



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TEKS UCAPAN

**YB FADHL vCINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN**

**MAJLIS sPELUNCURAN DASAR PENDIDIKAN DIGITAL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

28 November 2023 (Selasahhx)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Malaysia MADANI

Salutasi (Disediakan oleh urus setia)

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Peluncuran Dasar Pendidikan Digital pada petang ini.
2. Saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah terutamanya kepada Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, sebagai peneraju, atas kejayaan menganjurkan majlis ini. Sebenarnya, Majlis Peluncuran Dasar Pendidikan Digital pada hari ini sangat saya nanti-nantikan kerana ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam mentransformasikan sistem pendidikan negara secara dinamik dan berterusan, seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat di peringkat global.
3. Kita semua sedia maklum bahawa Dasar Pendidikan Digital telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri di Parlimen pada 26 Mei yang lalu. Dasar Pendidikan Digital merupakan antara agenda utama sebaik sahaja saya memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan pada Disember 2022. Saya telah memohon kerjasama Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan untuk bersama-sama memastikan bahawa dasar ini sesuai dan sejajar dengan agenda nasional dalam usaha membangunkan negara MADANI sebelum ianya dimuktamadkan.

Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

4. Usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan pendidikan berkualiti dan inklusif adalah seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*) 2030 seperti yang telah disarankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Usaha ke arah ini telah saya mulakan melalui tumpuan dan pelaksanaan Tujuh Teras Nadi Keunggulan KPM. KPM telah menyusun strategi dan inisiatif untuk meletakkan sektor pendidikan negara berada pada jajaran yang betul terutamanya dalam menghadapi cabaran pada masa depan. Antaranya, pengupayaan Pendidikan Digital melalui Teras ke-7 iaitu, Peningkatan Keupayaan Pendidikan Digital di sekolah.

5. Sesungguhnya ilmu itu bersifat dinamis, sejagat dan sentiasa bercambah mengikut peredaran masa. Menerusi pembentukan generasi yang fasih digital serta penekanan aspek karamah insaniah, murid berupaya menggunakan teknologi digital secara bersepadu, kreatif, inovatif, bertanggungjawab dan beretika. Murid yang fasih digital ini seterusnya dapat menghasilkan dan mencipta inovasi, menganalisis data secara saintifik, menyelesaikan masalah serta berkomunikasi dan berkolaborasi dengan berkesan.

6. Bagi mencapai hasrat tersebut, Dasar Pendidikan Digital telah menggariskan enam (6) teras strategik yang digerakkan menerusi pelan tindakan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Enam (6) teras strategik tersebut merangkumi Murid Fasih Digital, Pendidik Kompeten Digital, Budaya Kepimpinan Digital Berwawasan,

Pengupayaan Infostruktur dan Infrastruktur, Kandungan Digital Berkualiti dan Rakan Strategik yang Komited. KPM yakin menerusi teras strategik tersebut, murid berupaya mengguna pakai teknologi digital untuk pembelajaran serta memanfaatkan inovasi dan transformasi digital di sekolah, rumah atau di mana sahaja.

Hadirin-hadirat sekalian,

7. Namun begitu, KPM menyedari bahawa masih terdapat jurang digital antara murid di kawasan bandar dan luar bandar. Bagi mengurangkan jurang akses sumber pembelajaran murid terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman, KPM memperkasakan sebanyak 367 buah Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan 16 buah Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP) Jabatan Pendidikan Negeri di seluruh negara sebagai Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence - COE*) untuk inisiatif pendidikan digital. Kesemua pusat ini dibekalkan dengan peralatan dan perkakasan studio digital dan hab penghasilan digital (*digital maker hub - DMH*) yang boleh digunakan oleh murid dan guru bagi meningkatkan kompetensi digital, membangunkan kandungan dan melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan di COE ialah penghasilan video PdP, aktiviti robotik, pengaturcaraan dan realiti maya (*virtual reality - VR*).

8. KPM juga telah menyediakan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Fasa 1 bagi tujuan PdP yang melibatkan 3,910 sekolah meliputi 75,354 unit komputer riba, 3,804 unit pencetak, 3,800 unit projektor dan 3,228 unit troli pengecasan (*charging cart*) untuk

keperluan PdP di makmal komputer sekolah termasuk bagi menggantikan peralatan ICT yang telah usang. Peralatan ICT ini telah diedarkan ke sekolah terlibat bermula bulan Mac 2022 dan telah siap sepenuhnya pada Disember 2022.

9. Inisiatif ini diteruskan dengan pembekalan Fasa 2 yang kini telah selesai proses pembekalan dan pemasangan pada Julai 2023. Fasa 2 melibatkan 3,455 sekolah meliputi 68,056 unit komputer riba, 3,511 unit pencetak, 3,506 unit projektor dan 2,834 unit troli pengecasan. Selanjutnya, pembekalan Fasa 3 melibatkan 3,885 sekolah meliputi 69,604 komputer riba, 3,390 pencetak, 3,779 projektor dan 3,293 troli pengecasan. Pembekalan Fasa 3 dijangka akan siap pada awal tahun 2024.

10. Selain itu, kesemua sekolah KPM telah dilengkapi dengan rangkaian jaringan internet. KPM telah menyediakan capaian jalur lebar Internet dengan kelajuan 30Mbps hingga 300Mbps untuk 10,233 sekolah di bawah KPM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,220 sekolah disediakan dengan talian gentian optik, 4,901 lokasi disediakan talian jalur lebar tanpa wayar 4G dan 505 lokasi disediakan dengan talian satelit.

11. KPM juga sedang menambahbaik kemudahan kelas hibrid di 110 buah institusi pendidikan terpilih yang melibatkan 550 buah bilik darjah. Pelaksanaan rintis kelas hibrid ini akan mengupayakan PdP secara digital dan bersemuka dalam satu ekosistem yang sama. PdP secara silang dapat dilaksanakan antara kelas dan sekolah yang meliputi dalam dan juga luar negara. Pendekatan ini dapat mewujudkan PdP yang

membudayakan teknologi secara menyeluruh (immersive). Kesemua inisiatif ini dapat menambah baik ekosistem pendidikan digital secara berterusan.

Hadirin yang dimuliakan,

12. Guru merupakan individu penting yang bertanggungjawab membentuk masa hadapan negara. Oleh itu, dalam mengupayakan pendidik yang kompeten digital, KPM melaksanakan latihan dan kursus berkala berkaitan digital kepada guru dan pengajar. Guru-guru yang berpengetahuan, berkemahiran, dan inovatif digital akan memberikan nilai tambah kepada proses pembelajaran yang berkesan, terutamanya dalam Pendidikan Abad ke-21 (PAK-21). Melalui latihan dan pembelajaran sendiri, mereka akan menjadi peneraju dalam membentuk landskap pendidikan yang lebih baik untuk generasi akan datang.

13. Pengetahuan digital merupakan kunci untuk membuka pintu kepada pendidikan yang berkualiti. Justeru, KPM melaksanakan pengesanan saringan tahap kompetensi digital dalam kalangan warga pendidik. Sehingga Oktober 2023, seramai 301,844 orang guru telah disaring dan dikategorikan mengikut tahap kompetensi digital mereka. Seramai 65,092 (22 peratus) pendidik berada pada tahap asas, 230,785 (76 peratus) pendidik pada tahap pertengahan manakala 5,967 (dua peratus) pendidik pada tahap lanjutan. Pengesanan saringan tahap kompetensi digital guru masih berjalan dan dijangka selesai pada akhir bulan Disember 2023. Guru juga digalakkan untuk membangunkan kompetensi digital secara sendiri bagi memenuhi keperluan dalam melaksanakan tugas. Sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 25,370

aktiviti Penilaian Profesionalisme Berterusan (PPB) berkaitan digital atau ICT telah dilaksanakan berdasarkan statistik dalam Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia (SPLKPM).

14. Seterusnya, pemimpin dalam pendidikan adalah tonggak penting dalam usaha memartabatkan pendidikan digital ini. Pengetua dan pentadbir sekolah adalah mereka yang membimbing dan membentuk visi pendidikan di sekolah. Oleh itu, KPM akan memberikan sokongan dan sumber bagi menerapkan budaya kepimpinan digital berwawasan kepada pemimpin pendidikan. Mereka perlu memiliki wawasan yang luas dalam dunia digital dan kebijaksanaan untuk melaksanakan strategi teknologi dalam pengurusan sekolah. Sehubungan dengan itu, KPM akan memperkuat kemahiran pemimpin pendidikan dalam aspek teknologi untuk memastikan mereka dapat menerajui sekolah dengan baik dalam dunia digital yang kian kompleks.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Untuk memastikan keseluruhan dasar ini berjalan dengan lancar, kita perlu mengupayakan infostruktur dan infrastruktur. KPM terus berusaha dalam meningkatkan keupayaan rangkaian internet dan infrastruktur digital yang merupakan kunci untuk memastikan akses yang pantas dan canggih kepada teknologi digital. Infostruktur dan infrastruktur yang kukuh umpama jantung yang memacu sumber dan teknologi ke seluruh organisasi pendidikan. Ia adalah asas kepada pembelajaran dan kemajuan. Langkah ini diambil untuk memastikan Malaysia sentiasa berada di barisan hadapan dalam penyampaian pendidikan yang berkualiti.

16. Penghasilan kandungan digital berkualiti juga memainkan peranan penting dalam melestarikan dunia pendidikan. Bahan pembelajaran dalam talian, e-buku, dan sumber-sumber digital hendaklah berkualiti tinggi dan relevan dengan kurikulum kita. Hal ini membantu dalam meningkatkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran serta membentuk sikap dan nilai murni murid. Buat masa ini, KPM telah menyediakan pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) yang mengandungi perkhidmatan, aplikasi dan kandungan yang ditambah baik secara berterusan sesuai dengan perkembangan teknologi yang terkini. DELIMa menyediakan pelbagai sumber pendidikan digital yang interaktif dan menyeronokkan serta dapat memperluaskan peluang murid untuk belajar, sekali gus mampu meningkatkan motivasi, prestasi dan potensi mereka secara menyeluruh. Sehingga kini, 5.3 juta pengguna pelbagai peringkat yang terdiri daripada murid sekolah rendah dan menengah, pelajar lepasan menengah iaitu Tingkatan Enam, Kolej Matrikulasi dan pelatih IPG, pelajar Kolej Vokasional, guru, pensyarah dan pemimpin pendidikan dapat mengakses DELIMa pada bila-bila masa di mana sahaja. Saya percaya bahawa melalui sumber pendidikan yang interaktif dan menyeronokkan, murid akan lebih bermotivasi untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi.

17. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada KPM kerana pada petang ini di Hotel Le Méridien, Putrajaya, wakil KPM telah dijemput untuk menerima *Malaysia Digital Transformation Award: Special Mention - The Inter-Agency Award* oleh GovInsider atas usaha pasukan pelantar DELIMa dalam memacu pembelajaran digital di Malaysia. Anugerah ini

bertujuan untuk memberikan pengiktirafan atas usaha dan sumbangan agensi sektor awam ke arah inovasi dan transformasi digital. Ini ialah pengiktirafan kedua yang diterima oleh DELiMa pada tahun 2023. Pada bulan Jun yang lalu, DELiMa menerima pengiktirafan *Recognition of Excellence 2023* daripada pihak OpenGov Asia.

Hadirin yang dihormati,

18. Pelibatan aktif rakan strategik yang komited, kerjasama padu dengan syarikat teknologi, institusi pendidikan tinggi, komuniti dan pihak industri merupakan kunci utama kejayaan Dasar Pendidikan Digital. Melalui kolaboratif ini, kita dapat menyediakan sumber daya dan sokongan yang diperlukan untuk mencapai objektif Dasar Pendidikan Digital. Antara kerjasama strategik yang dilaksanakan termasuklah inisiatif #Mydigitalmaker melalui Karnival #Mydigitalmaker yang berlangsung dari Julai hingga September 2023. #Mydigitalmaker yang merupakan inisiatif Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dengan kolaborasi bersama KPM telah dijalankan sejak tahun 2016 dan telah berjaya memanfaatkan lebih kurang 2.5 juta orang murid sekolah setakat ini. Pada tahun 2023 ini, seramai kira-kira 25,000 pelajar telah mengambil bahagian dan telah menerima manfaatnya. Menerusi inisiatif ini, para murid berpeluang untuk mendekati pelbagai program berasaskan teknologi digital seperti pengekodan, teknologi dron, kecerdasan buatan, pembangunan aplikasi permainan dan sebagainya.

19. Seterusnya, pelaksanaan program Malaysia Techlympics inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merupakan usaha Kerajaan untuk memperkasa Sains, Teknologi dan Inovasi (STI). Inisiatif

ini juga bertujuan untuk memupuk minat generasi muda terutama murid-murid sekolah terhadap STEM melalui pendekatan yang lebih menyeronokkan, pembudayaan belia dengan minda, set kemahiran dan inovasi yang lebih bermakna dan berimpak tinggi menerusi konsep pertandingan. Pada tahun 2023, seramai 1.8 juta murid seluruh negara telah terlibat dalam pelbagai kategori program Malaysia Techlympic.

20. Untuk itu, KPM sangat berterima kasih kepada rakan strategik yang sangat komited dalam menjayakan Dasar Pendidikan Digital yang turut hadir bersama-sama dengan kita pada hari ini, sama ada dari pihak Kerajaan, GLC, NGO mahupun pihak swasta. Kesemua inisiatif ini dilaksanakan untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan Digital, iaitu untuk melahirkan generasi yang fasih dalam dunia digital dan berdaya saing. Diharapkan melalui usaha ini, pendidikan menjadi lebih relevan dan signifikan dengan keperluan semasa, seterusnya berupaya membuka peluang yang lebih baik kepada generasi muda dalam ekonomi digital menjelang tahun 2030.

Para hadirin sekalian,

21. Usaha yang berterusan ini sentiasa membuahkan hasil positif kepada negara. Anak-anak Malaysia terus menunjukkan prestasi memberangsangkan dan membawa nama negara gah di persada dunia. Terkini, nama Malaysia telah dijulang sebagai juara keseluruhan bagi kejohanan *World Robot Olympiad (WRO) International* yang berlangsung di Panama City, Panama, dari 7 hingga 9 November 2023 yang disertai oleh 80 buah negara. Malaysia mendapat empat (4) pingat emas, dua (2) pingat perak dan dua (2) tempat keempat dalam

kejohanan tersebut. Ini membuktikan pendidikan di negara kita seiring dengan teknologi semasa yang mampu membawa kita berdiri sama tinggi dengan negara maju dalam bidang robotik. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada kontinjen negara. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk kita terus mara menerajui pendidikan digital di rantau ini.

Hadirin sekalian,

22. Ketika Sidang Kemuncak ASEAN ke-43 di Jakarta, Indonesia yang dihadiri oleh YAB Perdana Menteri pada awal September yang lalu, pemimpin-pemimpin negara ASEAN telah mencapai kata sepakat untuk memperbaharui komitmen negara masing-masing berkaitan Deklarasi Transformasi Digital dalam Sistem Pendidikan di negara-negara ASEAN. Dalam deklarasi terbaharu berkaitan pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak, negara Malaysia bersetuju bahawa pengintegrasian teknologi digital wajar dioptimumkan. Teknologi digital juga dilihat berpotensi besar untuk menawarkan akses yang lebih meluas dan fleksibel kepada guru-guru berkaitan ilmu pengetahuan, kemahiran serta perkongsian pengalaman. Ini membolehkan penambahbaikan berterusan dilaksanakan demi memastikan pendidikan berkualiti dapat disalurkan kepada anak-anak di Malaysia dan negara serantau.

23. Menerusi dasar-dasar sedia ada berkaitan dengan pendigitalan, Kerajaan mewartakan komitmen untuk terus memudah cara penyampaian perkhidmatan dan memanfaatkan sepenuhnya agenda pendigitalan ke tahap tertinggi. Oleh itu, dalam usaha untuk mencapai sasaran menjadikan Malaysia sebagai penjana utama ekonomi

serantau, salah satu daripada misi yang digariskan dalam *New Industrial Master Plan* (NIMP) 2030 ialah supaya semua pihak di negara ini bersama-sama mendukung dan giat melaksanakan transformasi digital.

24. Kerajaan dan pemain industri di negara ini perlu menyahut cabaran dengan memastikan pembangunan bakat, terutamanya menerusi program-program STEM dan TVET dipertingkatkan supaya Malaysia mempunyai sumber manusia yang berpotensi untuk memacu keupayaan berinovasi, selain daripada meningkatkan produktiviti. Perkara ini turut ditegaskan ketika sesi pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025. Selain STEM dan TVET, Kerajaan juga beriltizam dalam menambah baik bakat menerusi pengukuhan pendidikan yang berpusatkan peningkatan kompetensi digital.

25. Oleh yang demikian, negara memerlukan sebuah kerangka dasar sebagai persediaan dalam usaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk bergerak dalam dunia digital. Dasar Pendidikan Digital yang bakal dilancarkan sebentar sahaja lagi merupakan suatu isyarat komitmen Kerajaan dalam memastikan generasi fasih digital yang berdaya saing dapat dilahirkan, sekali gus membentuk sebuah ekosistem yang saling berkait, iaitu pemerksaan keupayaan digital murid, guru dan pemimpin pendidikan, dengan pengukuhan sokongan infrastruktur dan infostruktur serta jalinan pelibatan aktif rakan strategik sebagai pemangkin. Generasi fasih digital ini amat diperlukan sebagai persediaan negara menghadapi perubahan dunia teknologi dan digital.

Penutup

Hadirin sekalian,

26. Memetik kata Mahatma Ghandi: *“The future depends on what we do in the present”*. Masa hadapan kita terletak kepada apa yang kita laksanakan pada masa kini. Saya menyeru kepada semua warga Kementerian, rakan-rakan industri serta seluruh rakyat Malaysia secara amnya untuk kita bersama-sama melangkah dan bergerak maju, mencorak masa hadapan Malaysia MADANI berlandaskan dasar-dasar Kerajaan yang sedang berkuat kuasa, demi mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dihasratkan.

27. Akhir kata, dengan lafaz **“Bismillahirrahmanirrahim”**, saya dengan sukacitanya melancarkan Dasar Pendidikan Digital, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekian.

Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

- TAMAT -